

Koleksi Nadir

Koleksi Nadir Malaysiana, Perpustakaan Negara Malaysia mula terbina pada tahun 1970an iaitu melalui bahan yang dihadiahkan oleh Dorothy Nixon, bekas Pustakawan *Kuala Lumpur Book Club*. Institusi yang turut menyumbangkan ialah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka, Henry Gurney Memorial Library dan Perpustakaan Perbadanan Johor Bahru. Pada bulan Jun 1982, YBhg. Dato' Hashim Sam Abdul Latiff, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia ketika itu telah membawa balik 1,652 naskhah koleksi Kedutaan Malaysia di London yang mana sebahagian besarnya merupakan koleksi nadir Malaysiana.

Koleksi nadir merupakan bahan yang diterbitkan sebelum tahun 1950an dan/atau sukar diperolehi, terbitan habis cetak atau tiada dalam pasaran lagi. Ia merupakan khazanah warisan ilmu yang memuatkan maklumat penting berkaitan sejarah awal sosio-budaya, ekonomi, bahasa, agama, kepercayaan, politik di Nusantara dan Tanah Melayu merangkumi Alam Melayu, *Straits Settlements*, Malaya, Persekutuan Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu.

Usaha untuk mendapatkan koleksi nadir dilakukan melalui semakan katalog penjual buku antik, lelongan bahan-bahan lama oleh firma lelongan, perpustakaan peribadi, hadiah oleh orang perseorangan atau institusi serta perolehan salinan mikro daripada institusi yang dikenal pasti mempunyai koleksi Malaysiana seperti British Library.

Sehingga kini, Perpustakaan Negara Malaysia telah memperolehi hingga 2,983 naskhah bahan koleksi nadir.

Mengakses Koleksi Nadir

Koleksi Nadir ditempatkan di Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, Aras 10, Menara PNM dengan kawalan suhu, cahaya dan kelembapan dititikberatkan supaya bentuk fizikal asal bahan tidak mudah rosak.

Pencarian bahan boleh dilakukan menggunakan Sistem Pencarian Dalam Talian (OPAC) PNM di <http://opac.pnm.gov.my>.

Penyelidik yang ingin membuat penyelidikan mengenai koleksi nadir perlu menyediakan surat rasmi dari Jabatan/ Organisasi/ Insitusi dan menyerahkan salinan hasil penyelidikan kepada PNM.

Salinan digital terpilih boleh diakses melalui repositori PNM di myrepositori.pnm.gov.my dan sumber elektronik PNM di www.u-pustaka.gov.my

Hubungi:

Unit Koleksi Khas

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara


Perpustakaan Negara Malaysia

Aras 10, Menara PNM

232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2687 1700 sambungan 1816

E-mel: prmln@pnm.gov.my



**Dictionarium Malaico – Latinum & Latino
Malaicvm.**

Tahun Terbit: 1631

No. Panggilan: 499.23371 HAE MN

Kamus ini adalah di antara kamus dwibahasa terawal yang memuatkan terjemahan Bahasa Melayu ke Bahasa Latin dan Bahasa Latin ke Bahasa Melayu. Penerbitan kamus ini tercetus daripada pengalaman orang-orang asing yang belseyar ke wilayah nusantara sejak berabad-abad lalu. Buku ini adalah buku terawal yang terdapat di dalam koleksi nadir PNM.



**A Grammar of the Malay tongue as spoken
in the Peninsula of Malacca, the Islands of
Sumatra, Java, Borneo, Pulo Pinang**

Tahun Terbit: 1880.

No. Panggilan: 499.2382 GRA MN

Kandungan buku memfokuskan mengenai nahu dan tatabahasa bahasa Melayu. Turut terdapat peta yang menunjukkan penggunaan bahasa Melayu di Kepulauan Sumatera, Jawa, Borneo dan Tanah Melayu.



**Hikayat Merong Mahawangsa yakni
salasilah negeri Kedah Darul Aman**

Tahun Terbit: 1898

No. Panggilan: 899.23 HIK f MN

Hikayat Merong Mahawangsa merupakan sebuah hasil penulisan sejarah Melayu yang dikarang di negeri Kedah mengenai sejarah awal negeri Kedah



Hikayat Abdullah

Tahun Terbit: 1829

No. Panggilan: 899.23 ABD MN

Karya dalam tulisan Jawi yang mencerminkan sosio budaya masyarakat Melayu pada awal abad ke-19 hasil karangan Abdullah Abdul Kadir Munsyi iaitu bapa kesusastraan Melayu moden.




The Malay States

Tahun Terbit: 1923

No. Panggilan: 915.95104 COO MN

Buku karya Philip C. Coote, siri *Peeps at the Many lands* merupakan karya berkaitan Tanah Melayu merangkumi sejarah awal, ekonomi, sastera, dan etnografi kepelbagaiannya di Tanah Melayu. Turut disertakan ilustrasi bewarna yang menggambarkan kecantikan dan keunikan Tanah Melayu yang dilukis oleh Dorothea A. H. Aldworth.



Soul of Malaya

Tahun Terbit: 1931

No. Panggilan: 843 FAU MN

Karya Henri Fauconnier yang telah memenangi Hadiah Goncourt, setaraf Pulitzer. Pengarang pernah tinggal di Tanah Melayu pada 1905-1914 dan 1919-1925. Bertugas sebagai pengurus sebuah estet di Selangor pada tahun 1920-an dan dikenali sebagai pengasas tanaman kelapa sawit di Tanah Melayu.



Sejarah Melayu or The Malay Annals

Tahun Terbit: 1821

No. Panggilan: 899.23 SEJ MN

Terjemahan bahasa Inggeris "Sejarah Melayu" oleh Dr John Leyden dengan pengenalan oleh Sir Thomas Stamford Raffles. Sejarah Melayu (atau Malay Annals) adalah karya sastera Melayu yang memfokuskan mengenai zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Katalog dan Poskad Koleksi Nadir

Katalog Nadir

[KATALOG NADIR & PERIBADI BERANOTASI 2006](#)

[KATALOG NADIR & PERIBADI BERANOTASI 2011](#)

Poskad Nadir

[Poskad 1](#)

[Poskad 4](#)

[Poskad 7](#)

[Poskad 10](#)

[Poskad 2](#)

[Poskad 5](#)

[Poskad 8](#)

[Poskad 11](#)

[Poskad 3](#)

[Poskad 6](#)

[Poskad 9](#)

[Poskad 12](#)